



CHE RAM CHE DIN | BERITA MINGGU

**SEMAI KASIH SAYANG:** Abdullah melambai ke arah Nori selepas memasukkan ikon simbol jantung menandakan rasminya Karnival Keluarga Bahagia Penyayang di Taman Tasik Shah Alam, malam tadi. Turut kelihatan (dari kiri) Dr Khir, Datin Seri Zaharah Kechik dan Shahrizat.

# Bina keluarga bahagia

BH-25/6/2006

## PM mahu agenda, program sosial diperkemas berteraskan nilai murni

Oleh Wan Jailani Razak

**S**HAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu institusi keluarga terus diperkukuh kerana keutuhan dan kebahagiaan keluarga menjadi tunjang ke arah mempersiapkan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memantapkan agenda dan program sosial dalam membina sebuah masyarakat yang berteraskan nilai murni dan kemuliaan insan.

"Peranan keluarga penting dalam mencapai kemajuan negara sebab masalah yang dihadapi banyak bermula daripada keluarga. Jika keluarga baik, anak yang bakal mencorak-

kan masa depan negara akan menjadi baik.

"Sebaliknya, jika keluarga bermasalah akibat tidak ada kasih sayang, tidak ada hormat-menghormati, tidak ada budi pekerti yang baik, anak itu akan menjadi anggota masyarakat yang bermasalah.

"Jadi, jika nak baiki masyarakat, berusahalah membaiki keluarga agar menjadi keluarga bahagia," katanya ketika merasmikan Karnival Keluarga Bahagia Penyayang di Taman Tasik Shah Alam, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; beberapa Exco

**“**Usaha perlu digerakkan bagi memastikan setiap keluarga memiliki kasih sayang menerusi program yang diadakan membabitkan semua ahli keluarga”

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

kerajaan negeri dan Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang), Nori Abdullah.

Abdullah berkata, generasi muda yang menjadi pewaris bangsa dan negara perlu dilengkapi akhlak mulia, minda dan intelek yang berwawasan serta semangat jati diri yang unggul.

Justeru, katanya, Kerajaan Pusat akan menyokong usaha kerajaan negeri, pertubuhan bukan kerajaan dan badan korporat dalam membantu membina keluarga bahagia.

"Kita boleh mengadakan forum bagi memberikan ceramah dan nasihat supaya akan lahir nanti kesedaran bahawa tidak ada lain yang lebih penting selain kesejahteraan keluarga," katanya.

YAYASAN KEIMPINAN PERDANA